
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SPU318 – Kerajaan Demokratik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan.

1. “Sistem demokratik bukanlah setakat mengadakan pilihanraya dari masa ke semasa sahaja. Namun tiada pemerintahan yang boleh mendakwa dirinya demokratik tanpa melalui pilihanraya”. Huraikan pernyataan di atas dengan memberi tumpuan kepada peranan pilihanraya dalam sistem demokratik dan dalam proses memilih.
(100 markah)
2. Apakah yang anda fahamkan dengan konsep “demokrasi ala-Asia”? Tumpukan perbincangan anda itu kepada soal sifat perhubungan penaung-klien (patron-client), keperibadian (personalism), mentaati autoriti dan hiraiki, parti politik yang dominan, dan negara yang kuat.
(100 markah)
3. Empat asas utama demokrasi adalah keesahan kuasa (autoriti), pembatasan kuasa, tanggungjawab, dan keadilan. Huraikan setiap satunya.
(100 markah)
4. “Wacana dalam politik Muslim semenjak akhir dekad 1980an semakin tertumpu kepada soal demokrasi, dan pokok perdebatan telah semakin beredar daripada soal samada Islam dan demokrasi boleh seiringan kepada soal bagaimana untuk memperkenalkan dan mengukuhkan demokrasi di negara-negara Muslim”. Bincangkan.
(100 markah)

...2/-

5. Satu persoalan teori yang sering diperdebatkan ialah soal mengapakah demokrasi subur di sesetengah negara dan gagal di sesetengah negara lainnya. Antara faktor yang boleh membantumenyuburkan demokrasi mengikut beberapa ahli teori terkemuka adalah tahap pembangunan ekonomi yang relatif tinggi, wujudnya kelas menengah yang besaar, tradisi budaya tolenrasi dan saling menghormati hak individu dalam masyarakat, wujudnya kumpulan-kumpulan dan institusi-institusi sosial yang bebas, ekonomi pasaran bebas, dan wujudnya kumpulan elit yang bersedia untuk mengerah/melepaskan kuasa. Huraikan.
6. Walau macamana demokratik sekalipun sesebuah negara itu masyarakat masakini yang semakin kompleks dan yang menuntut keputusan-keputusan yang cekap dan cepat telah menyebabkan peranan dan kuasa eksekutif sebenarnya semakin meningkat. Persoalan bagaimana untuk mengawal dan menyimbang kuasa kini menjadi semakin penting dan aturcara dan insitusi-institusi demokratik yang sediaada semakin tercabar dalam menjalankan tanggungjawab pengawalan dan penyeimbangan kuasa ini. Bincangkan.

(100 markah)

(100 markah)

- 000 0 000 -